

UMP pantau aktiviti perkilangan Lynas

Metro (Sekenyang) Kuantan 11/9/13 ms 29

Kuantan: Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (AELB) menyerahkan tanggungjawab kepada Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk menjalankan penyelidikan terhadap data diperolehi daripada Sistem Pemantauan Aerosol (AMS) bagi memantau aktiviti kilang Lynas Malaysia Sdn Bhd (Lynas) di Gebeng, dekat sini.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, UMP akan memantau dan mengurus dua unit AMS bernilai RM1 juta setiap satu yang dipasang di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan serta di Lynas berdasarkan kepakaran mereka. Beliau berkata, data yang diperolehi itu dianalisis manakala keputusan akan digunakan bersama AELB bagi tujuan kawal seliaan.

"Pihak AELB yakin UMP mampu memainkan peranan penting memastikan data yang diperolehi daripada AMS adalah bebas kerana ia



ABU Bakar (tengah) menyaksikan pertukaran dokumen memorandum persefahaman antara Abdul Aziz (kiri) dan Daing Nasir (kanan).

adalah sebuah intitusi pengajian tinggi awam (IPTA)," katanya pada sidang media selepas menyaksikan majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UMP dan AELB di Pusat Konvensyen Antara-

bangsa Sultan Ahmad Shah (SASICC) di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi AELB Profesor Datuk Dr Sukiman Sarmani; Ketua Pengerah AELB Raja Datuk Abdul Aziz Raja Adnan dan Naib Canselor UMP Profesor Da-

tuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

MoU itu juga bertujuan mewujudkan kerjasama akademik termasuk pengajaran dan pembelajaran (P&P), kepakaran, kerjasama penyelidikan termasuk pertukaran maklumat.